

Mengubah Kata-Kata, Menyentuh Kehidupan

Kesakitan boleh muncul dalam pelbagai bentuk; ia tidak semestinya secara fizikal. Kadangkala tutur kata juga boleh menyakiti. Dan apabila berlaku, sakitnya tidak hanya sedalam kulit.

Bahasa yang sesuai haruslah penuh hormat, bukan berunsur stigma, tepat, memperkasa dan inklusif. Menggunakan bahasa sedemikian awal adalah penting, bukan sahaja untuk kebaikan mereka yang melalui kehidupan dengan demensia, tetapi juga untuk mengubah pemikiran masyarakat terhadapnya.



Berbicara Tentang Demensia

Demensia adalah istilah umum yang digunakan untuk menggambarkan gejala pengurangan memori, komunikasi dan berfikir. Banyak perkataan yang harusnya dielakkan sudah lapuk dan telah digunakan apabila petanda yang muncul dianggap sebahagian daripada proses penuaan, dan bukannya disebabkan oleh jenis gangguan tertentu pada otak.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Demensia
- Penyakit alzheimer dan bentuk lain demensia
- Sejenis demensia

KEKATA YANG HARUS DIELOKKAN

- Penyakit menggilakan
- Kurang waras/siuman
- Penderitaan

Berbicara Mengenai Orang Yang Mengalami Demensia

Banyak perkataan untuk dielakkan adalah menghina dan merendahkan maruah. Perkataan seperti 'nyanyuk', 'gila' dan 'mangsa' menyumbang kepada stigma yang terkait dengan demensia dan menempatkan kondisi sebelum orangnya. Kita harus sentiasa ingat untuk menggunakan perkataan yang mengekalkan maruah seseorang dan tidak pula meletakkan penilaian terhadap individu tersebut hanya kerana mereka ada demensia.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Orang yang menghadapi demensia
- Orang yang hidup bersama demensia
- Orang yang mempunyai diagnosis demensia

KEKATA YANG HARUS DIELOKKAN

- Penderita
- Mangsa
- Orang gila

Orang Berumur 65 Ke Bawah Yang Menghidapi Demensia

Gelaran istilah perkataan "Demensia Muda" adalah lebih sesuai untuk kumpulan penghidap demensia usia bawah 65 tahun, ini disebabkan istilah perkataan "Demensia Awal" kadangkala juga digelar kepada kumpulan penghidap demensia apabila gejala demensia diperhatikan pada peringkat awalnya.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Demensia permulaan muda

KEKATA YANG HARUS DIELOKKAN

- Demensia pra-nyanyuk
- Demensia permulaan awal



SCAN TO
LEARN MORE
alz.org.sg/wordshurt

In Support Of:

Forget US
勿忘我
Building a
Dementia
Friendly
Community

#Despite
DEMENTIA

Gejala-Gejala Kelakuan Dan Psikologi Demensia

Adalah pentingnya memahami tentang demensia bahawa perubahan tingkah laku yang disebabkan oleh perubahan dalam otak dan kemungkinan juga dipengaruhi oleh perubahan dan persekitaran sosial serta fizikal peribadi. Elakkan penggunaan perkataan yang berbahaya semasa pertuturan serta pastikan kita tidak menentukan penghidap demensia berdasarkan gejala mereka. Penghidap demensia adalah insan seperti kita. Diagnosis dan gejala perubahan mereka tidak sepatutnya menjadi aspek menentukan kehidupan mereka.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Perubahan pada tingkah laku
- Menunjukkan keperluan yang tidak dipenuhi
- Tingkah laku yang mudah bertindak

KEKATA YANG HARUS DIELAKKAN

- Tingkah laku yang mencabar
- Tingkah laku yang rumit
- Tiada hala tujuan

Kesan-Kesan Demensia

Kesan demensia pada setiap orang yang hidup dengan keadaan ini berbeza dari satu individu ke individu yang lain. Mereka juga mengalami kaitan diagnosis pada masa yang berbeza. Sementara kita perlu jujur dan realistik mengenai kesan demensia, kata-kata yang kita gunakan tidak perlu negatif, pesimis atau tidak memperkasakan.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Kurang keupayaan
- Cabaran
- Pertukaran cara hidup

KEKATA YANG HARUS DIELAKKAN

- Tidak boleh diharapkan
- Tidak bertanggung
- Mustahil / Tidak mungkin

Berbicara Tentang Penjagaan Mereka Yang Berdemensia

Hanya seseorang yang mengalami demensia benar-benar boleh memahami bagaimana ianya hidup dengan demensia. Begitu juga, hanya penjaga yang tahu bagaimana ianya untuk menjaga orang kesayangan yang berdemensia. Menggunakan perkataan seperti 'beban' memberi anggapan bahawa peranan penjaga adalah negatif sepenuhnya, atau menjaga orang yang mengalami demensia adalah sukar.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Kesan menjaga seseorang demensia

KEKATA YANG HARUS DIELAKKAN

- Beban penjaga
- Beban menjaga

Berbicara Tentang Demensia Dalam Konteks Perubahan Dan Penyelidikan

Amatlah penting untuk kita mengingati bahawa walaupun dalam konteks perubahan dan penyelidikan, tumpuan utama adalah pada orang yang menghidapi demensia dan kata-kata sesuai yang mengekalkan martabat dan keperibadian mereka.

KEKATA YANG LEBIH SESUAI

- Demensia sebagai kondisi
- Peserta (dalam sesuatu kajian)
- Kondisi perubahan

KEKATA YANG HARUS DIELAKKAN

- Penyakit – kecuali bercakap tentang sejenis penyakit demensia seperti penyakit Alzheimer's
- Subjek



SCAN TO
LEARN MORE
alz.org.sg/wordshurt

In Support Of:

Forget US
勿忘我
Building a
Dementia
Friendly
Community

#Despite
DEMENTIA